

21/05/1997

Malaysia jemput Eropah guna MSC

LONDON, Selasa - Malaysia menawarkan Eropah untuk menggunakan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai medan ujian bukan saja kepada kemajuan perkembangan teknologi, malah menilai dan mendalami cara hidup dalam era maklumat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka boleh menggunakan MSC bagi mencari jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah ketika berhadapan dengan cara hidup manusia hasil pengenalan kemajuan teknologi telekomunikasi.

Menurut Perdana Menteri, dalam era maklumat tanpa batasan, masyarakat akan menghadapi masalah dan perlu mencari jalan bagi menghadapinya.

"Kita banyak berhadapan dengan masalah yang muncul dalam era industri dan kita dapat mengatasi masalah itu. Kita tidak tahu apa yang bakal berlaku dalam era maklumat pada masa depan. Kita boleh meramalkan, tetapi sering tersalah.

"Kita mungkin pernah mengalaminya, tetapi perlu mengetahui bagaimana ia berfungsi dalam era maklumat ini.

"Untuk kita, Malaysia menawarkan MSC sebagai medan ujian ke arah itu," katanya dalam uaputama `MSC: Jambatan Global Dari Eropah ke Asia Untuk Abad Dunia' di Persidangan Pelaburan MSC di sini, hari ini.

Kira-kira 600 peserta dari kalangan ketua eksekutif syarikat terkemuka, cerdik pandai dan penyelidik industri teknologi maklumat Eropah menghadiri seminar mempromosikan MSC itu.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana mereka boleh menggunakan kemudahan MSC dalam mengawasi pengaruh keganasan dan unsur seks melalui Internet terhadap kanak-kanak.

(END)